



## KENYATAAN AKHBAR

26 Disember 2018

### **PNB DAN ASNB UMUM BARISAN LEMBAGA PENGARAH BAHARU**

**Kuala Lumpur, 26 Disember 2018:** Permodalan Nasional Berhad (PNB) dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir, Tan Sri Datuk Zainun binti Ali, Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood dan Dato' Johan bin Ariffin sebagai ahli-ahli baharu Lembaga Pengarah PNB berkuat kuasa 1 Januari 2019. Mereka menggantikan ahli-ahli lembaga pengarah yang bakal bersara pada 31 Disember 2018, iaitu Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa, Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah dan Tan Sri Zarinah binti Anwar.

Datuk Ahmad Badri merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan telah berkhidmat dengan Kementerian Kewangan selama lebih 25 tahun. Tan Sri Datuk Zainun ialah bekas Hakim Mahkamah Persekutuan Malaysia dan sebelum itu memegang pelbagai jawatan di Perkhidmatan Undang-undang dan Kehakiman. Dato Dr. Nik Ramlah ialah bekas Timbalan Ketua Eksekutif, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan kini berkhidmat sebagai ahli Lembaga Pengarah Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). Dato' Johan Ariffin, pula berpengalaman luas dalam bidang pembangunan harta tanah, perbankan dan insurans, dan kini merupakan Penggerusi Mitraland Group of Companies dan Pelaburan Hartanah Nasional Berhad, serta turut menjadi ahli lembaga pengarah bagi beberapa syarikat tersenarai awam termasuk Sime Darby Property Berhad.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz, mengalu-alukan pelantikan baharu tersebut dan berkata, "Saya dengan sukacita mengalu-alukan pelantikan ahli-ahli baharu menyertai Lembaga Pengarah PNB dengan pengalaman luas yang mereka miliki serta saling melengkapi dalam bidang masing-masing iaitu pelaburan, undang-undang, ekonomi dan juga harta tanah. PNB berharap akan memperoleh manfaat daripada sumbangan mereka seiring dengan fokus berterusan kita untuk menguatkan

daya tahan dan melaksanakan mandat untuk memperkasakan kekayaan ekonomi komuniti Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia.”

PNB juga memaklumkan berkuat kuasa pada 31 Disember 2018, Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali akan bersara sebagai ahli Lembaga Pengarah ASNB dan PNB Research Institute Sdn Bhd.

“Bagi pihak Lembaga Pengarah PNB dan ASNB, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Lembaga Pengarah PNB dan ASNB yang akan bersara atas komitmen dan sumbangan mereka selama ini. PNB telah memperoleh manfaat daripada ilmu serta bimbingan mereka sepanjang tempoh mereka menjadi ahli Lembaga Pengarah PNB dan ASNB,” tambah Tan Sri Dr. Zeti.

Dengan pelantikan baharu ini, komposisi Lembaga Pengarah PNB dan ASNB mulai 1 Januari 2019 adalah seperti berikut:-

**Lembaga Pengarah Permodalan Nasional Berhad:**

1. Tan Sri Dr. Zeti binti Aziz (Pengerusi Kumpulan PNB)
2. Dato' Abdul Rahman bin Ahmad (Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB)
3. Datuk Ahmad Badri bin Mohd Zahir
4. Tan Sri Datuk Zainun binti Ali
5. Datuk Dr. Mohd. Yaakub bin Haji Johari
6. Datu Haji Soedirman bin Haji Aini
7. Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood
8. Dato' Johan bin Ariffin

**Lembaga Pengarah Amanah Saham Nasional Berhad:**

1. Tan Sri Dr. Zeti binti Aziz (Pengerusi Kumpulan PNB)
2. Dato' Abdul Rahman bin Ahmad (Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB)
3. Encik Mohammad bin Hussin (Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif ASNB)
4. Datuk Seri Dr. Nik Norzrul Thani bin Nik Hassan Thani
5. Dato Dr. Nik Ramlah binti Nik Mahmood

– Tamat –

**Mengenai PNB**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM295 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan-pelaburan strategik di syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan harta tanah. Untuk maklumat lanjut, layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

**Mengenai ASNB**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), adalah syarikat pengurusan unit amanah dan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan dengan pelancaran dua Dana unit amanah yang baharu pada September 2018, kini mengurus 14 dana unit amanah. Setakat November 2018, ASNB mempunyai 236.0 bilion unit dalam edaran dari 13.7 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**